

HUBUNGAN ANTARA KERJA RUMAH DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK

Yeo Kee Jiar & Norzilawati Binti Zakaria

Fakulti Pendidikan,

Universiti Teknologi Malaysia.

ABSTRAK : Kerja rumah diberikan sebagai pengukuhan bagi perkara yang telah dipelajari di sekolah. Terdapat pandangan yang berbeza mengenai sumbagan kerja rumah terhadap pencapaian akademik. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti hubungan antara kerja rumah dengan pencapaian akademik dalam tiga mata pelajaran iaitu Matematik, Bahasa Inggeris dan Kemahiran Hidup. Responden kajian terdiri daripada 92 orang tingkatan pelajar tingkatan dua dari tiga buah sekolah menengah. Instrumen kajian ialah borang soal selidik. Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package for Social Science (SPSS 12 for Windows)*. Hasil kajian menunjukkan tiada korelasi bagi pemboleh ubah masa dalam menyiapkan kerja rumah dengan pencapaian Bahasa Inggeris dan Kemahiran Hidup manakala bagi Matematik pula korelasinya adalah negatif iaitu -0.022, 0.139, 0.161 masing-masing. Pemboleh ubah kerja rumah jenis latihan dengan pencapaian dalam mata pelajaran Matematik, Bahasa Inggeris menunjukkan korelasi positif tetapi lemah manakala tidak ada korelasi bagi Kemahiran Hidup. Bagi pemboleh ubah kerja rumah jenis persediaan dan penerokaan pula, didapati tiada korelasi dengan pencapaian Matematik dan Bahasa Inggeris, manakala indeks korelasi bagi Kemahiran Hidup adalah positif. Indeks korelasi bagi cara pengelolaan guru semasa dan selepas memberikan kerja rumah, didapati tiada korelasi dengan pencapaian bagi Matematik manakala terdapat korelasi positif bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Kemahiran Hidup. Seluruh kajian ini menunjukkan kebanyakan hipotesis telah ditolak, terutamanya bagi mata pelajaran Kemahiran Hidup, justeru merumuskan bahawa kerja rumah tidak begitu besar sumbangan terhadap pencapaian. Beberapa cadangan telah dikemukakan berdasarkan dapatan kajian.

ABSTRACT : Homework can be regarded as reinforcement for lesson learnt in school but there are different views on the contribution of homework on academic achievement. This research aimed to identify the correlations between homework with student's achievement in Mathematic, English Language and Living Skill. Respondent consist of 92 form two students from three secondary schools. The questionnaire was used as a tool to obtain the require data. Data was analyzes by using *Statistical Package for Social Science (SPSS 12 for Windows)*. Research findings showed that the correlation index of parameter in the time spent in doing homework and achievement on Mathematic, English Language and Living Skill were -0.022, 0.139 and 0.161 respectively. Research finding showed positive but weak correlation between achievement and types of homework based on practice in English and Living Skills but the Mathematic, there was no correlation between the variables. As for correlation between types of homework based on preparation and exploration with achievement, it is found that there was no correlation in the subjects of Mathematic and English but correlated positively in Living Skill. Correlation index between teachers' method of managing homework and achievement showed there was no correlation in Mathematic but correlated positively in English and Living Skill. It can be concluded that most of the hypothesis is rejected especially in Living Skill subject, hence suggesting that homework does not have much bearing on achievement in the three subject studied. A few suggestions were given based on this finding.

Katakunci : *Statistical Package for Social Science (SPSS 12 for Windows), Homework, academic achievement*

PENGENALAN

Pendidikan di Malaysia telah mengalami banyak perkembangan bermula dengan perubahan dari segi falsafah dan kurikulum sehinggalah kaedah pengajaran dan pembelajaran. Secara dasarnya perubahan demi perubahan yang dilaksanakan adalah untuk memperbaiki pencapaian akademik pelajar-pelajar dalam memenuhi hasrat kerajaan untuk melahirkan lebih ramai rakyat yang berilmu.

Pihak sekolah telah mengambil langkah dalam meningkatkan pengajaran dan pembelajaran bagi meningkatkan pencapaian akademik pelajar-pelajar, salah satunya adalah kerja rumah. Kerja rumah merupakan tugas yang diberikan oleh guru untuk disiapkan di luar waktu persekolahan. Menurut Ms. Mangione (April 2008), kerja rumah merupakan latihan yang tidak bergantung. Kerja rumah digunakan sebagai pengukuhan bagi perkara yang telah dipelajari di sekolah. Tujuan kerja rumah boleh dibahagikan kepada pembelajaran dan bukan pembelajaran (Lee dan Pruitt, 1979).

Sejarah kerja rumah bermula pada abad ke-20, pada masa itu, kerja rumah dipercayai dapat mendisiplinkan pemikiran pelajar. Pada tahun 1940-an, kaedah kemahiran '*problem solving*' diperkenalkan. Pada tahun 1960-an, kerja rumah dianggap membebaskan terhadap para pelajar. Di Malaysia, kerja rumah sudah sebatu dalam diri seorang pelajar. Menteri Pelajaran Malaysia, Datuk Hishammuddin berkata kementerian berpendapat pemberian kerja rumah penting bagi memperkukuh dan memperkaya pemahaman murid terhadap pelajaran tetapi pemberian kerja rumah perlu dirancang dengan baik, menepati matlamat dan menarik serta sentiasa dipantau bagi mendapatkan hasil yang positif terhadap pembelajaran.

Kajian-kajian tentang kerja rumah biasanya tertumpu kepada mencari hubungan antara masa yang digunakan oleh pelajar untuk melakukan kerja rumah dengan tahap pencapaian akademik pelajar. Kajian ini, meliputi skop yang lebih luas iaitu turut dikaji hubungan jenis kerja rumah yang diberikan oleh guru kepada pelajar-pelajar selain peruntukan masa oleh pelajar dalam menyiapkan kerja rumah dan cara pengelolaan guru terhadap pemberian kerja rumah dengan pencapaian akademik pelajar.

PERNYATAAN MASALAH

Menteri Pendidikan mengatakan pendekatan pemberian kerja rumah adalah berkesan dan tidak menjejaskan pencapaian akademik malah semakin cemerlang sekiranya diuruskan dengan baik. Kesan positif kerja rumah yang diberikan boleh berubah menjadi negatif sekiranya mengabaikan aspek-aspek perancangan, pelaksanaan, dan pengelolaan terhadap kerja rumah pelajar.

Melalui kajian ini, penyelidik ingin mengkaji sama ada terdapat hubungan antara peruntukan masa, jenis kerja rumah dan cara pengelolaan guru terhadap kerja rumah dengan pencapaian pelajar bagi mata pelajaran Matematik, Bahasa Inggeris dan Kemahiran Hidup di sekolah.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini adalah untuk melihat hubungan antara kerja rumah dengan pencapaian akademik pelajar. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti :

- i. hubungan antara peruntukan masa dalam menyiapkan kerja rumah Matematik, Bahasa Inggeris dan Kemahiran Hidup dengan pencapaian
- ii. hubungan antara jenis kerja rumah bagi mata pelajaran Matematik, Bahasa Inggeris dan Kemahiran Hidup dengan pencapaian
 - a) jenis latihan
 - b) jenis persediaan

- c) jenis penerokaan
- iii. hubungan antara cara pengelolaan guru terhadap kerja rumah Matematik, Bahasa Inggeris dan Kemahiran Hidup dengan pencapaian

BATASAN KAJIAN

Batasan kajian merupakan panduan bagi mengkaji sesuatu masalah. Setiap kajian yang dijalankan seharusnya mempunyai skop atau batasan kajian bagi mendapatkan maklumat yang dikehendaki dengan tepat dan betul. Berdasarkan kajian ini, penyelidik telah menetapkan batasan kajian seperti lokasi, jenis sekolah dan jenis mata pelajaran.

Lokasi kajian tertumpu di negeri Kelantan. Kajian ini terbatas kepada sekolah menengah yang berada di sekitar daerah Kota Bharu sahaja. Data yang diperolehi tidak boleh digeneralisasikan kepada semua sekolah menengah di Malaysia kerana kajian hanya melibatkan responden dari SMK (A) Naim Lilbanat, SMK Long Ghafar dan SMK Kampong Chengal di daerah Kota Bharu, Kelantan.

Sampel dalam kajian ini tertumpu kepada pelajar tingkatan 2 dari tiga buah sekolah. Kajian hanya memberi tumpuan kepada tiga jenis mata pelajaran sahaja iaitu Matematik, Bahasa Inggeris dan Kemahiran Hidup sahaja. Pemilihan mata pelajaran berkenaan adalah berdasarkan pemerhatian penyelidik dimana subjek Matematik, Bahasa Inggeris dan Kemahiran Hidup merupakan mata pelajaran yang banyak memerlukan latihan sebagai pengukuhan berbanding mata pelajaran lain.

KEPENTINGAN KAJIAN

1. Membantu para pelajar mengenal pasti jenis kerja rumah dan pengurusan masa yang bijak. Pelajar juga di harap dapat memperbaiki kelemahan dan membina kekuatan dalam mencapai kecemerlangan akademik malah semua bidang yang diceburi.
2. Memberi manfaat kepada guru-guru dalam cara pengelolaan kerja rumah pelajar dengan intensif. Diharap guru dapat membuat persediaan dalam memberi input yang berguna untuk mewujudkan satu kaedah bagi meningkatkan dan memperbaiki mutu pengajaran dan pembelajaran (P&P) dari semua aspek.
3. Memberikan peluang kepada pihak pentadbiran dan pengurusan sekolah memantau dan membuat pemerhatian yang sewajarnya terhadap cara pengelolaan guru serta jenis kerja rumah yang diberikan oleh guru terhadap para pelajar.
4. Membantu pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dalam mengenalpasti akan masalah yang wujud dalam sistem persekolahan. Sebagai pihak yang berkuasa, kementerian haruslah bijak mengatasi masalah yang timbul agar bidang pendidikan akan menjadi sistem pendidikan yang mampan.
5. Membuka minda ibu bapa pelajar dalam bersama-sama pihak sekolah membantu meningkatkan mutu dan kecemerlangan anak-anak dalam pelbagai bidang. Sokongan dan pemerhatian terhadap pembelajaran anak-anak penting
6. dalam menjanjikan sesuatu hasil yang memuaskan. Pemantauan ibu bapa juga penting dalam membantu kejayaan kerja rumah anak-anak.

METODOLOGI KAJIAN

Tujuan kajian ini dilakukan adalah kerana pengkaji ingin mengetahui hubungan antara kerja rumah dengan pencapaian akademik pelajar dari aspek peruntukan masa yang diperuntukkan pelajar dalam

menyiapkan kerja rumah, jenis kerja rumah yang dilakukan dan cara pengelolaan guru terhadap hasil kerja rumah pelajar. Kaedah yang difikirkan sesuai oleh pengkaji untuk kajian ini adalah kaedah penyelidikan kuantitatif. Menurut Mohd Najib (2003), kaedah kuantitatif merujuk kepada membuat kajian secara korelasi. Mohd Majid Konting (2005), menjelaskan bahawa kajian korelasi biasanya digunakan bagi melihat hubungan atau menjelaskan sesuatu fenomena.

Best dan Kahn (1990) turut mengakui bahawa kajian berbentuk deskriptif dapat menerangkan dan menjelaskan apa yang sebenarnya berlaku. Ia juga menjelaskan keadaan atau perhubungan, pendapat pada proses yang berlaku, keberkesanan dan corak yang dibangunkan. Manakala Mc Millan dan Schumacher (1984), menyatakan bentuk kajian deskriptif adalah kajian yang membolehkan matlumat yang mudah dapat di kumpulkan.

POPULASI DAN SAMPEL

Menurut Mohd Majid Konting (2005), populasi di definisikan sebagai satu set ciri yang menunjukkan cerapan atau ukuran yang tertentu kepada kumpulan individu atau objek. Populasi ditentukan dan dikaji dengan teliti supaya keputusan terhadap penyelesaian masalah yang dipilih itu berkesan. Populasi juga merupakan sasaran bagi penyelesaian sesuatu masalah dan penyelidikan mestilah melibatkan keseluruhan individu dalam populasi kajian. Pensampelan adalah strategi dalam penyelidikan apabila penyelidikan terdiri daripada sebahagian individu yang menganggotai populasi tersebut.

Menurut Dr. Mohd Yusuf Arshad (1996), pensampelan bermaksud membolehkan maklumat diperolehi daripada sebahagian kumpulan yang lebih besar atau mendapatkan sampel daripada populasi sasaran. Dalam kajian ini, sampel yang dipilih adalah berdasarkan kaedah persampelan rawak berkelompok. Berdasarkan jadual penentu sampel dari populasi (Krejcei R.V and Morgan D.W, 1970), seramai 92 orang pelajar tingkatan 2 telah dipilih sebagai sampel kajian dan kesemua populasi adalah pelajar beragama Islam.

INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini berbentuk soal selidik. Soal selidik digunakan bagi mengukur dan mendapatkan fakta-fakta yang lebih tepat dan jitu daripada responden. Menurut Majid Konting (2005), soal selidik lebih praktikal dan berkesan digunakan untuk populasi yang besar. Pemberian soalan yang piawai dapat merangsang subjek bertindak balas tanpa dipengaruhi oleh penambahan atau pengurangan soalan. Siegel (1988), menyatakan bahawa penggunaan soal selidik lebih mudah untuk mendapatkan kerjasama dari responden. Oleh itu, pengkaji menggunakan soal selidik bagi memperoleh data bagi menjawab persoalan kajian yang dibentuk.

Menurut Oppenheim di dalam Mohd. Najib (1999), soal selidik digunakan untuk mengukur konsep yang berkaitan dengan pengetahuan, aplikasi, dan pandangan selain daripada keterangan latar belakang responden. Soal selidik selalu digunakan untuk mengetahui sikap seseorang dengan menggunakan soalan skala kadar melalui Kaedah Likert iaitu dengan menggunakan skala lima mata.

ANALISIS DATA

Jadual 1: Analisis Peruntukan Masa Dalam Menyiapkan Kerja Rumah Matematik, Bahasa Inggeris Dan Kemahiran Hidup Dengan Pencapaian.

Bil	Hipotesis Nol	r	P	Keputusan
Ho1	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara peruntukan masa dalam menyiapkan kerja rumah Matematik dengan pencapaian	-0.022	0.832	Diterima
Ho2	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara peruntukan masa dalam menyiapkan kerja rumah Bahasa Inggeris dengan pencapaian	0.139	0.186	Diterima
Ho3	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara peruntukan masa dalam kerja rumah Kemahiran Hidup dengan pencapaian	0.161	0.125	Diterima

Jadual 1 menunjukkan nilai indeks korelasi bagi peruntukan masa dengan pencapaian Matematik, Bahasa Inggeris dan Kemahiran Hidup. Dapatan kajian bagi mata pelajaran Matematik, nilai r memberikan bacaan - 0.022 dan nilai signifikan bagi pembolehubah peruntukan masa dengan pencapaian Matematik ialah 0.832. Nilai negatif menunjukkan hubungan negatif antara peruntukan masa dengan pencapaian pelajar. Oleh kerana nilai ini lebih besar dari nilai signifikan, maka hipotesis nol di terima. Oleh yang demikian, tidak terdapat hubungan yang signifikan antara peruntukan masa dengan pencapaian Matematik.

Indeks korelasi, r, bagi peruntukan masa dengan pencapaian Kemahiran Hidup memberikan nilai 0.161. daripada dapatan kajian yang di perolehi, indeks korelasi menunjukkan hubungan yang sangat lemah diantara peruntukan masa dengan pencapaian pelajar. Manakala bagi nilai signifikan bagi pembolehubah peruntukan masa dengan pencapaian Kemahiran Hidup (0.125). Nilai signifikan p adalah lebih besar daripada aras signifikan yang di ditetapkan iaitu 0.05. Maka hipotesis nol “tidak terdapat hubungan yang signifikan antara peruntukan masa dengan pencapaian Kemahiran Hidup” di terima dalam kajian ini.

Jadual 2 : Analisis Hubungan Antara Kerja Rumah Jenis Latihan Bagi Mata Pelajaran Matematik, Bahasa Inggeris dan Kemahiran Hidup dengan Pencapaian

Bil	Hipotesis Nol	r	P	Keputusan
Ho4	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kerja rumah jenis latihan bagi mata pelajaran Matematik dengan pencapaian	- 0.15	0.891	Diterima
Ho5	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kerja rumah jenis latihan bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris dengan pencapaian	0.228*	0.029	Ditolak
Ho6	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kerja rumah jenis latihan bagi mata pelajaran Kemahiran Hidup dengan pencapaian	0.265*	0.011*	Ditolak

Jadual 2 menunjukkan nilai indeks korelasi bagi kerja rumah jenis latihan dengan pencapaian Matematik, Bahasa Inggeris dan Kemahiran Hidup. Dapatan kajian bagi mata pelajaran Matematik, nilai r memberikan bacaan – 0.15. Nilai negative menunjukkan berlaku hubungan yang negatif terhadap hubungan kerja rumah jenis latihan dengan pencapaian. Manakala nilai signifikan bagi pembolehubah kerja rumah jenis latihan dengan pencapaian Matematik ialah 0.891. Oleh kerana nilai

p lebih besar dari aras signifikan, maka hipotesis nol di terima. Dengan kata lain tidak terdapat hubungan antara kerja rumah jenis latihan dengan pencapaian Matematik.

Bagi kerja rumah jenis latihan Bahasa Inggeris pula, dapatan kajian menunjukkan nilai korelasi r, adalah 0.228. Nilai ini menerangkan bahawa hubungan yang terhasil di antara kerja rumah jenis latihan dengan pencapaian adalah rendah Nilai signifikan bagi pembolehubah kerja rumah jenis latihan, nilai p, (0.029) adalah lebih kecil daripada aras signifikan iaitu 0.05. Ini menunjukkan hipotesis nol bagi kerja rumah jenis latihan Bahasa Inggeris ditolak. Dapat di simpulkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kerja rumah jenis latihan dengan pencapaian Bahasa Inggeris.

Dapatan kajian korelasi kerja rumah jenis latihan bagi mata pelajaran Kemahiran Hidup memberikan nilai r, 0.265. Manakala aras signifikan, p, memberikan nilai 0.011. Memandangkan aras signifikan yang diperolehi daripada dapatan adalah lebih rendah daripada aras yang ditetapkan iaitu 0.05, maka dapat disimpulkan bahawa terdapat hubungan antara kerja rumah jenis latihan dengan pencapaian Kemahiran Hidup. Oleh yang demikian, hipotesis ini di tolak.

Jadual 3 : Analisis Hubungan Antara Kerja Rumah Jenis Persediaan Bagi Mata Pelajaran Matematik, Bahasa Inggeris Dan Kemahiran Hidup Dengan Pencapaian

Bil	Hipotesis Nol	r	P	Keputusan
Ho7	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kerja rumah jenis persediaan bagi mata pelajaran Matematik dengan pencapaian	0.090	0.392	Diterima
Ho8	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kerja rumah jenis persediaan bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris dengan pencapaian	0.185	0.078	Diterima
Ho9	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kerja rumah jenis persediaan bagi mata pelajaran Kemahiran Hidup dengan pencapaian	0.317**	0.002	Ditolak
** Aras signifikan adalah 0.01				

Jadual 3 menunjukkan nilai indeks korelasi bagi kerja rumah jenis persediaan Matematik dengan pencapaian pelajar. Indeks korelasi r, memberikan nilai 0.090 manakala aras signifikan memberikan nilai 0.392. Indeks korelasi kerja rumah jenis persediaan menunjukkan hubungan yang positif, akan tetapi hubungan adalah sangat lemah. Aras signifikan bagi pembolehubah kerja rumah jenis persediaan dengan pencapaian adalah lebih besar dari nilai yang di tetapkan iaitu 0.05. Dapatan ini menyokong hipotesis nol dimana tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kerja rumah jenis persediaan bagi mata pelajaran Matematik dengan pencapaian pelajar.

Indeks korelasi dalam jadual di atas menunjukkan dapatan kajian kerja rumah jenis persediaan dengan pencapaian bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris. dapatan menunjukkan hubungan yang positif akan tetapi hubungan adalah sangat rendah dengan nilai 0.185. Hasil analisis juga menunjukkan aras signifikan bagi pembolehubah kerja rumah jenis persediaan dengan pencapaian pelajar ialah 0.078, adalah lebih besar daripada aras signifikan yang telah ditetapkan iaitu 0.05. Maka dapat disimpulkan bahawa hipotesis nol (Ho8) diterima.

Dapatan kajian korelasi kerja rumah jenis persediaan bagi mata pelajaran Kemahiran Hidup memberikan nilai r , 0.317. Manakala aras signifikan, p , memberikan nilai 0.002. Memandangkan aras signifikan yang diperolehi daripada hasil dapatan adalah lebih rendah daripada aras yang ditetapkan iaitu 0.01, maka dapat disimpulkan bahawa terdapat hubungan antara kerja rumah jenis persediaan dengan pencapaian Kemahiran Hidup. Oleh yang demikian, hipotesis nol (H_0) di tolak. Maka, dapat di katakan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kerja rumah jenis persediaan bagi mata pelajaran Kemahiran Hidup dengan pencapaian pelajar

Jadual 4 : Analisis Hubungan Antara Kerja Rumah Jenis Penerokaan Bagi Mata Pelajaran Matematik, Bahasa Inggeris dan Kemahiran Hidup dengan Pencapaian

Bil	Hipotesis Nol	r	P	Keputusan
Ho10	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kerja rumah jenis penerokaan bagi mata pelajaran Matematik dengan pencapaian	0.039	0.712	Diterima
Ho11	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kerja rumah jenis penerokaan bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris dengan pencapaian	0.098	0.352	Diterima
Ho12	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kerja rumah jenis penerokaan bagi mata pelajaran Kemahiran Hidup dengan pencapaian	0.212*	0.043	Ditolak
* Aras signifikan adalah 0.05				

Jadual 4 menunjukkan nilai indeks korelasi bagi kerja rumah jenis penerokaan dengan pencapaian Matematik, Bahasa Inggeris dan Kemahiran Hidup. Dapatan kajian bagi mata pelajaran Matematik, nilai r memberikan bacaan 0.039. Nilai positif menunjukkan berlaku hubungan yang positif terhadap hubungan kerja rumah jenis penerokaan dengan pencapaian. Walau bagaimanapun, dapatan menunjukkan terdapat hubungan yang sangat rendah. Manakala nilai signifikan bagi pembolehubah kerja rumah jenis penerokaan dengan pencapaian Matematik ialah 0.712. Oleh kerana nilai p lebih besar dari aras signifikan, maka hipotesis nol di terima. Dengan kata lain tidak terdapat hubungan antara kerja rumah jenis penerokaan dengan pencapaian Matematik.

Bagi kerja rumah jenis latihan Bahasa Inggeris pula, dapatan kajian menunjukkan hubungan yang sangat rendah dengan bacaan nilai korelasi r , adalah 0.098. Nilai signifikan bagi pembolehubah kerja rumah jenis penerokaan, nilai p , (0.352) adalah lebih besar daripada aras signifikan iaitu 0.05. Ini menunjukkan hipotesis nol bagi kerja rumah jenis latihan Bahasa Inggeris diterima. Dapat di simpulkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kerja rumah jenis penerokaan dengan pencapaian Bahasa Inggeris.

Dapatan kajian korelasi kerja rumah jenis penerokaan bagi mata pelajaran Kemahiran Hidup memberikan nilai r , 0.212. Dapatan kajian menjelaskan bahawa hubungan antara pembolehubah kerja rumah jenis penerokaan dengan pencapaian adalah hubungan yang lemah atau rendah. Manakala aras signifikan, p , memberikan nilai 0.043. Memandangkan aras signifikan yang diperolehi daripada hasil dapatan adalah lebih rendah daripada aras yang ditetapkan iaitu 0.05, maka dapat

disimpulkan bahawa terdapat hubungan antara kerja rumah jenis penerokaan dengan pencapaian Kemahiran Hidup. Dengan kata lain, hipotesis ini di tolak.

Jadual 5 : Analisis Hubungan Antara Cara Pengelolaan Guru (Semasa Kerja Rumah Diberikan) Bagi Mata Pelajaran Matematik, Bahasa Inggeris Dan Kemahiran Hidup Dengan Pencapaian

Bil	Hipotesis Nol	r	P	Keputusan
Ho13	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara cara pengelolaan guru terhadap kerja rumah (semasa kerja rumah diberikan) Matematik dengan pencapaian pelajar	0.161	0.124	Diterima
Ho14	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara cara pengelolaan guru terhadap kerja rumah (semasa kerja rumah diberikan) Bahasa Inggeris dengan pencapaian pelajar	0.257*	0.013	Ditolak
Ho15	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara cara pengelolaan guru terhadap kerja rumah (semasa kerja rumah diberikan) Kemahiran Hidup dengan pencapaian pelajar	0.276* *	0.008	Ditolak

Berdasarkan jadual dapatan kajian 5, hasil analisis korelasi menunjukkan nilai indeks korelasi bagi cara pengelolaan guru (semasa kerja rumah di berikan) dengan pencapaian bagi Mata pelajaran Matematik adalah sangat rendah, iaitu 0.161. Walau bagaimanapun, nilai pekali tersebut menunjukkan terdapat hubungan yang positif antara cara pengelolaan guru (semasa kerja rumah di berikan) dengan pencapaian pelajar. Dapatan ini juga menjelaskan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pembolehubah cara pengelolaan guru (semasa kerja rumah di berikan) dengan pencapaian. Ini di buktikan dengan nilai signifikan, 0.124 adalah lebih besar dari aras yang telah ditetapkan iaitu 0.05. Maka hipotesis awal berkaitan yang menyatakan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara cara pengelolaan guru terhadap kerja rumah (semasa kerja rumah diberikan) Matematik dengan pencapaian pelajar adalah diterima.

Indeks korelasi bagi cara pengelolaan guru terhadap kerja rumah (semasa kerja rumah diberikan) bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris dengan pencapaian pelajar memberikan bacaan nilai r yang rendah iaitu 0.257. Walau bagaimanapun, hubungan ini menunjukkan hubungan yang positif diantara dua pembolehubah. Manakala nilai signifikan bagi pembolehubah cara pengelolaan guru terhadap kerja rumah (semasa kerja rumah) diberikan dengan pencapaian ialah 0.013. nilai p adalah lebih kecil daripada aras signifikan yang telah di tetapkan (0.05). Dengan ini dapat di simpulkan bahawa hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara cara pengelolaan guru terhadap kerja rumah (semasa kerja rumah diberikan) Bahasa Inggeris dengan pencapaian pelajar. Hipotesis awal ditolak.

Dapatan kajian korelasi cara pengelolaan guru terhadap kerja rumah (semasa kerja rumah diberikan) bagi mata pelajaran Kemahiran Hidup memberikan nilai r, 0.276. Manakala aras signifikan, p, memberikan nilai 0.008. Memandangkan aras signifikan yang diperolehi daripada dapatan kajian adalah lebih rendah daripada aras yang ditetapkan iaitu 0.01, maka dapat disimpulkan bahawa terdapat hubungan antara cara pengelolaan guru terhadap kerja rumah (semasa kerja rumah diberikan) dengan pencapaian Kemahiran Hidup. Oleh yang demikian, hipotesis ini di tolak.

PENGENALAN

Berikut adalah rumusan daripada analisis kajian yang telah dijalankan. Pengkaji mendapati :

1. Pembolehubah masa tidak mempengaruhi pencapaian akademik pelajar dalam proses menyiapkan kerja rumah bagi mata pelajaran Matematik, Bahasa Inggeris dan Kemahiran Hidup.
2. Kerja rumah jenis latihan Matematik mempunyai tidak terdapat hubungan antara kerja rumah dengan pencapaian. Manakala bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Kemahiran Hidup pula menunjukkan terdapat hubungan di antara kerja rumah jenis latihan dengan pencapaian.
3. Bagi kerja rumah jenis persediaan dan penerokaan, mata pelajaran Matematik dan Bahasa Inggeris menunjukkan tidak terdapat hubungan antara kerja rumah jenis persediaan terhadap pencapaian. Manakala bagi mata pelajaran Kemahiran Hidup, dapatan kajian bagi kerja rumah jenis persediaan dan penerokaan menunjukkan terdapat hubungan di antara kerja rumah dengan pencapaian.
4. Dapatan kajian mendapati bagi mata pelajaran Matematik, tidak terdapat hubungan di antara cara pengelolaan guru (semasa dan selepas) dengan pencapaian pelajar. Manakala hasil kajian bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Kemahiran hidup pula, menunjukkan terdapat hubungan antara cara pengelolaan guru (semasa dan selepas) terhadap pencapaian pelajar.

RUJUKAN

- Anliker, Aydt, Kellam, and Rothlisberger (1997). *"Improving Student's Achievement Through Encouragement Of Homework Complition"*
- Anliker, Aydt, Kellam, and Rothlisberger (1997). *"Improving Student's Achievement Through Encouragement Of Homework Completion."*
- Best, J.W. (1981). *"Research In Education."* New Jersey: Prentice Hall
- Bloom, B.S. (1986). *Human Chacacteristic And School Learning.* New York : Mc Graw Hill Book Company.
- Carol (1984). *" Succesfull Proble Techniques."* Plo Alto, Carli Fornia: Creative Publication.
- Coulter (1981). *"A Atudy Of Homework Time Of A High School Sample"*. Perceptual And Motor Skill, 103-106.
- Dr. Mohd Yusuf Bin Arshad (1996). *Kaedah Penyelidikan Dalam Pendidikan.* Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- E.L Thornddike, *Educational Psychology, Briefer Course, M.S.55. Bereau Of Publication, Teachers College, Columbia University, 1914.*
- Folye (1984). *"The Condition Of Learning"*. P.Holt, Rine Heart And Winston, New York.
- Habibah Elias, Rahil Hj.Mahyudin (1990). *Psikologi Pembelajaran.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Idayu Khalid(2000). *Amalan Kerja Rumah Sabagai Satu Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran Di Sekolah Dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina.* Tesis. Fakulti Pendidikan.
- Kerlinger, F.N. (1973). *Foundation Of Behavioral Research.* Holt, Rinehart, & Winston, New York.
- La Conte, R.T (1981).. *Homework As A Learning Experience : What Research Say To The Teacher.* Wanshington, DC
- Mohd Majid Konting (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan.* Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Nicolas, C.W & Gorman, C.V (1997). *The Heart Of Institution: Classroom And Laboratory Management.* Ohio Department Of Education- Divisison of Vocational.
- Noor Asnizah Baijan. (2008). *Hubungan Antara Kerja Rumah Dengan Pencapaian Akademik Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Jenis Kebangsaan.* Tesis. Fakulti Pendidikan.

- Osman Affan (2007). *Teknik Pengurusan Masa*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Trautwein, U., Koller, O. (2003). *The Relationship Between Homework And Achievement: Still Much Of A Mystery*. Education Psychology Review, 15.
- Walberg, H.J., Paschal, R. A., & Weinstein T. (1984). *Homework's Powerfull Effects on Learning*. Educational Leadership, 42, 76-79.
- Widad Othman, Syed Hadzir Jamalullai (1996). “*Kemampuan Pelajar Dalam Mengaplikasikan Kemahiran Hidup Dalam Kehidupannya*”. Jurnal Pendidikan, UTM. Jilid 2 (46-55)